



(khas bagi Majalah Qalam - tidak dibenarkan dikutip)

## Memotong Mayat di Hospital

‘Abdul Raḥīm bin Arshad, Lorong Merican, Changi Road,

Singapura bertanya: Sekarang sedang heboh di dalam akhbar tuntutan-tuntutan supaya mayat-mayat yang mati di hospital itu jangan dipotong iaitu sebagaimana biasa berlaku atau dilakukan.

Dengan sebab itu saya suka mendatangkan pertanyaan mengapa pemotongan itu dilakukan dan bagaimana pula hukumnya tentang perbuatan itu?

Jawab: Pemotongan mayat di hospital itu lazimnya disebut di dalam Bahasa Inggeris dengan perkataan “post mortem” iaitu suatu perbuatan membelah mayat yang tidak diketahui sakitnya atau sebab-sebab yang menjadikan seseorang itu mati. Seseorang yang mati dengan sert amerta, terlanggar motokar, lemas dan mengejut-yakni mati yang tidak disyaki adakah matinya boleh jadi dilakukan orang dengan sengaja maka mayat-mayat yang seperti itu adalah dikehendaki dibelah kerana dengan tidak dilakukan pembelahan doktor tidak dapat mengetahui sebab-sebab kematian itu, yakni adakah tersebut sendirinya atau pun sebab-sebab yang lain di lakukan ke atasnya.

Seseorang doktor tidak dapat mengetahui penyakit orang yang telah mati kerana darah orang yang mati itu tidak berjalan. Demikian juga dengan tidak berjalan darah itu x-ray tidak dapat dilakukan (menggambar tubuh orang itu). jadi tidak ada jalan lain untuk memberi kenyataan atas kematian orang yang serupa itu selain daripada

Peringatan: Pertanyaan-pertanyaan yang tidak disertakan tanda tangan dan alamatnya yang terang tidak diraikan. Juga pertanyaan-pertanyaan yang mengenai di sekeliling hal ehwal masyarakat kita itulah yang diutamakan daripada soal yang sulit-sulit dan jarang berlaku oleh kerana ruangan ini adalah berguna juga untuk panduan pembaca-pembaca.

membelah dengan membelah itu dapatlah diselidiki adakah mayat itu sebenarnya mati begitu sahaja- tidak ada aniyang dilakukan di atasnya atau pun mati kerana dianiyai.

Semua keterangan ini adalah dikehendaki oleh pegawai penyakit orang mati (*coroner*)-*coroner* itu kelak menentukan sebab-sebab kematian itu adalah bergantung kepada penyata doktor yang melakukan pembelahan itu. Satu misal telah diberi oleh seorang doktor tatkala ditanya dalam perkara ini. Seorang, katanya, telah terlanggar motokar-orang itu terus jatuh dan mati. dengan dibelah tidaklah dapat diketahui dengan pasti adakah perlanggaran itu yang menyebabkan ia mati atau suatu penyakit yang lain yang ada pada dirinya. Umpamanya pula seseorang telah terlanggar motokar, beberapa hari kemudian ia mati- maka yang demikian perlu diperiksa adakah ia mati dengan sebab langgaran itu atau pun ada penyakit yang lain yang menyebabkan kematian itu. Ini semuanya perlu kepada doktor tatkala memberi surat mati kepada seseorang yang telah mati.

Perkara-perkara yang tersebut adalah satu perkara yang dituntut oleh undang-undang untuk menentukan adakah orang itu matinya, mati biasa, atau mati yang disebabkan oleh sesuatu dengan melakukan kekerasan. Dengan sebab-sebab itu adalah mustahak melakukan perbuatan memotong mayat-mayat itu dan mayat-mayat yang ada di dalam hospital yang telah berubat di sana dan telah diketahui doktor sebab-sebab kematiannya (penyakitnya) tidaklah dilakukan pembelahan. Semuanya ini tidak lain ditujukan

ialah untuk menentukan kematian seseorang itu dengan saksama. Adakah ia mati dengan tidak ada perkaitan dengan orang lain kerana ada juga pernah berlaku seorang yang didapati mati tergantung-tidak dibelah-terus ditanam. Tetapi kemudiannya setelah menyasat rupanya kematiannya bukan mati tergantung tetapi dianiyai maka mayat itu terpaksa digali semula dan didapati, setelah dibelah orang itu sebenarnya telah mati dicekik orang.

Di manakah duduknya hukum Islam dalam perkara ini? Ulama- ulama berselisih pendapatnya-sepuak membolehkan mayat itu dibelah dan yang sepuak lagi melarang. Pihak yang melarang adalah berpegang kepada hadis Nabi (SAW) yang diriwayatkan oleh umu al' mu'minin 'Aishah (RA) iaitu: *inna kasra 'azam al-mayyit ka kasrihi hayyan*. Maksudnya: "Bahawasanya mematahkan tulang mayat samalah seperti mematahkan semasa hidupnya".

Ada beberapa hadis lagi yang menyatakan supaya mayat itu dihormati dan jangan disakiti.

Adapun pihak yang membolehkan supaya mayat itu dibelah pembelahan itu dan mereka telah mendapati maslahatnya lebih besar daripada kerosakkan yang terbit daripadanya. Ulama- ulama ini mengambil missal seperti keterangan di atas umpamanya seorang dituduh dengan aniaya bahwa ia akan menyebabkan kematian si mati maka dengan pembelahan itu shaaj yang dapat menentukan adakah si mati itu mati dipukul atau termakan racun atau pun mati, Biasa oleh penyakitnya sendiri.

Alim ulama Islam baik yang bermazhab Shāfi'ī atau lainnya adalah menyatakan si mati yang diketahui telah menelan permata atau emas atau apa jua yang berharga- yang menjadi haknya atau hak orang lain- hendaklah dibelah perutnya kepada orang yang berhak menerimanya.

Bahasnya ulama Shafi'ī dalam masalah ini di antaranya ada

di dalam kitab "*al-Mahdhab*" juzuk yang kelima muka 300:

Jika si mati telah menelan sebutir permata, hak orang lain lalu dituntut oleh tuannya, hendaklah dibelah mayat itu dan dikembalikan permata yang tersebut kepada tuannya. Tetapi kalau permata itu hak si mati sendiri, maka masalah ini ada dua wajah, pertama: hendaklah dibelah kerana permata itu telah menjadi hak waris-warisnya iaitu sama hukumnya seperti permata hak orang lain. Wajah yang kedua pula ialah: tidak wajib dibelah kerana si mati telah menghabiskan permata itu pada masa hidupnya dan tidaklah sangkut pautannya dengan pihak warisnya.

Jelasnya si mati wajib dibelah apabila menelan benda yang berharga hak orang lain. Tetapi kalau haknya sendiri maka ulama Shāfi'ī berselisih: ada yang mengatakan wajib dibelah, ada yang mengatakan tidak, seperti huraian yang tersebut tadi.

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut jelaslah bahawa membelah mayat seperti yang dilakukan di hospital-hospital pada zaman kita ini dengan tujuan hendak menyasat apakah yang menyebabkan kematian mayat itu dengan tidaklah terlarang. Kalau ulama- ulama Islam dari berbagai-bagai mazhab telah mewajibkan supaya mayat itu dibelah apabila ia manalah benda yang berharga semasa hidupnya maka pembelahan di hospital yang dilakukan kerana penyiasatan sebab-sebab kematiannya rasanya lebih aulagi kerana maslahat menghedaki yang demikian.

\*\*\*

Tālib al-Hāq, 'Alī, Melaka, bertanya: Dalam keluaran bulan ogos saya dapati di dalam rencana peperangan menerangkan bahawa Allah Subhānu Wa Ta'ālā melarang memilih pimpinan selain daripada orang Islam mengikut sebagaimhaayat al-Quran yang disebutkan di situ. Demikian juga saya terbaca fatwa ulama pangkal yang mewajibkan memilih Partai Islam sahaja dengan keterangan yang diberi berdasarkan kepada ayat al-Quran dan kaedah usul.

Yang demikian besarlah harapan saya dapat kiranya diterangkan

hukumnya di sisi agama Islam kita antara pilihan raya yang akan adakan di Indonesia itu dengan pilihan raya yang baharu diadakan di Malaya pada 27 Julai yang lepas- adakah berlianna atau bersamaan?

kalau dihukumkan bersamaan kerana di Indonesia negeri orang Islam dan Malaya pun negeri orang Islam juga maka berasa jeliru saya apabila membaca diutus Melayu tanggal 25 Julai 1955 Mufti Abdullah berkata "Saya tertipu" fatwa Islam pilih Islam haling merdeka hingga akhir katanya "tidak haram" di sini saya memaklumkan kalau memilih calon yang terdiri dari orang kafir yang terikat dengan UMNO itu "tidaklah menjadi haram" bahkan itulah jalan yang dikehendaki oleh masa dan siasah kerana mencapai kemerdekaan Tanah Melayu.

Nampaknya hukuman mufti Abdullah ini berlawanna dengan hukuman yang telah diterangkan di majalah Qalam istimewa dengan hukuman yang ditanda tangani oleh dua belas orang kiyai yang tersebut.

Diharap kiranya tuan mmeberi penerangan yang memuaskan hati bagaimana hukum Allah Ta'ālā yang sebenarnya supaya orang ramai tidak keliru.

Jawab: Ayat-ayat al-Quran yang dijadikan alasan itu adalah terang dan nyata tujuannya- tidak boleh diputar-putar lagi. Ia ditujukan bukan sahaja kepada umat Islam di Indonesia atau di Malaya tetapi kepada semua sekali pemeluk-pemeluk Islam. Bagi umat Islam diwajibkan menegakkan hukum-hukum Allah di mana-mana jua mereka berada dan berusaha supaya hukum-hukum Tuhan itu dapat dijalankan dengan sebab-sebab itu adalah menajdi kewajipan kepada tiap-tiap umat Islam memilih wakil-wakilnya di dalam tiap-tiap badan perwakilan tersendiri daripada umat Islam sendiri kerana Islam dengan terang-terang sebagaimana ayat-ayat yang telah disiarkan dalam keluaran yang lalu, menegah pemeluk-pemeluk memilih orang-orang kafir jadi pemimpin-pemimpinnya.

Adapun orang-orang yang berpendapat meluluskan memilih orang yang bukan Islam harus mereka berpendirian bahawa yang

dimaksudkan dengan agama ini ialah mengikut istilah orang-orang barat-yakni agama itu tidak ada kena mengena dengan pemerintahan negeri, Agama itu adalah khas untuk ibadat semata-lain tidak.

Pendapat yang serupa ini adalah salah sama sekali. Agama Islam adalah tidak dapat dipisahkan langsung daripada tata tertib kehidupan hari-hari dan tata tertib kenegaraan -dan sebab itulah agama Islam itu tidak boleh dipisahkan langsung dengan siasah negara dan kerana itulah pemeluk-pemeluknya dituntut supaya hukum-hukum Tuhan berjalan di dalam negara yang mereka berada di dalamnya.

Melihat kepada banyaknya pengundi-pengundi daripada orang-oelang Melayu, (Islam) maka adalah menjadi seperkara yang salah sama sekali perbuatan-perbuatan memilih wakil-wakil mereka daripada orang yang bukan Islam. Kesalahan ini bukannya kepada diri umat Islam atau masyarakat Islam tetapi telah melanggar akan ayat-ayat Allah yang telah menegah memilih orang-orang kafir sebagai pemimpin orang Islam. Pelanggaran yang serupa in harus kelak akan ditunjukkan Tuhan padahnya di dalam lingkungan mereka sendiri.

Kita tidak pernah mendapati suatu alasan daripada al-Quran atau sunah ada keterangan-keterangan yang mengharuskan untuk mencapai sesuatu kemerdekaan itu lalu meluluskan melanggar sesuatu perintah atau peringatan Tuhan yang terang-terang itu sebagaimana yang disebutkan oleh TuanHāaji 'Abdullāh Fāhim mufti Pulau Pinang tatkala menafikan fatwanya. Jika ada alasan-alasan itu kita mempersilakan beliau memberi alasan-alasannya bahkan kita berpendapat bahawa fatwa beliau yang mengharuskan itu adalah seakan-akan ada paksaan di atas diri beliau disebabkan oleh ada perkaitan-perkaitan dengan keadaan-keadaan di sekeliling beliau. Jika tekaan kita ini benar kita berharap Allah akan memberi taufik dan hidayah kepada beliau supaya berdiri tetap mempertahankan kemulianayat-ayat Tuhan yang nyata itu.

Di sebalik itu sebagaimana kita sebut tadi, Agama

Islam tidak dapat dipisahkan dengan siasah negara maka di sini molek benar kita memperingatkan bahawa tiap-tiap umat Islam setelah memberi pengakuan sebanyak lima kali sehari dihadapan Tuhan dengan berkata "bahwasanya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku adalah semata-mata kerana Allah Subhānahu wa Ta'ālā" hendaklah mereka itu memberikan pengorbanan tenaga, harta dan jika perlu nyawanya sekali untuk menegakkan kalimah Allah yang ertinya untuk menegakkan sebuah negara supaya hukum Allah berjalan di dalamnya kerana barangsiapa tidak menghukum dengan hukum-hukum Allah nescaya itu zalim, fasik dan kafir.

Untuk menegakkan lagi keterangan-keterangan di atas ini maka di bawah ini diperturunkan maksud-maksud ayat al-Quran yang berkenaan dengan perkara ini.

1. Hai orang-orang yang beriman! janganlah kamu jadikan sahabat akrab kamu lain daripada golongan kamu, (kerana) mereka itu tidak putus-putus (berikhtiar) menarik kecelakaan atas kamu; mereka itu suka apa yang menyusahkan kamu; sesungguhnya kebencian telah terbit dari mulut-mulut mereka; tetapi apa yang disembunyikan oleh hati-hati mereka ada lebih besar, sesungguhnya kami telah terangkan tanda-tanda, jika kamu mengerti. (Āli 'Imrān 117)

2. Ingat! Kamu ini cinta kepada mereka itu, sedang mereka tidak cinta kepada kamu; dan kamu percaya kepada sekalian (isi) al-Quran, sedang mereka itu apabila bertemu kamu (hanya) mereka berkata: "kami beriman" tetapi apabila berpisah mereka gigit jari-jari mereka kerana geram bercampur benci kepada kamu (Āli 'Imrān 118).

3. Hai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan ketua-ketua, akan orang-orang yang memperolok-olokkan dan



*Sa'adon Zubair, Menteri Kerja Raya memberi ucapan dalam suatu majlis di Persekutuan Tanah Melayu.*

---

mempermain-mainkan agama kamu dari kaum yang diberi kitab sebelum kamu; dan berbaktilah kepada Allah jika benar kamu orang-orang yang beriman. (al-Mā'idah 57)

4. Mereka bersumpah kepada kamu supaya kamu sukan kepada mereka, Walaupun kamu suka kepada mereka, tetapi Allah tidak suka kepada kaum yang fasik (al-Baqarah 96).

5. Oleh ketiadaan tempat maka sekadar ini memadai- ada banyak ayat-ayat lagi yang memberi peringatan kepada kita tentang menegakkan hukum-hukum Tuhan supaya berjalan di mana jua kita berada. Mudah mudahan Allah memberi tawfik dan hidayahnya kepada kita bersama.